

05/10/2001

Syarikat tempatan perlu teliti peluang

Kadir Dikoh; Saidon Idris

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun dunia kini dihantui kelembapan ekonomi berikutan serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat (AS) 11 September lalu, namun keadaan itu masih menawarkan peluang kepada peniaga yang mampu mengenal pastinya.

Beliau berkata, sehubungan itu syarikat tempatan tidak seharusnya berasa terancam sebaliknya perlulah meneliti peluang dan kelebihan yang ada berikutan tragedi itu.

"Walaupun dalam kelembapan ekonomi, terdapat bidang tertentu yang mana kita mempunyai kelebihan dan peluang jika kita boleh menambah nilai. (Contohnya) ketika berlaku perang di Korea, harga getah meningkat.

"Sekarang ini berikutan serangan di AS, jika diteliti mungkin terdapat peluang bagi Malaysia berikutan tragedi itu yang memberikan kita kelebihan," katanya dalam sesi dialog di Sidang Kemuncak Tindakan Ketua Eksekutif (CEO) bagi Industri Berasaskan Pengetahuan dan Mapan (AKSI) 2001 di Kuala Lumpur semalam.

Dr Mahathir berkata, antara kelebihan yang ada pada Malaysia ialah dari segi kedudukannya yang jauh dari Afghanistan.

"Di samping itu, Malaysia juga adalah sebuah negara yang aman dan stabil dan ini memberikan kita kelebihan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan daripada seorang peserta yang meminta kerajaan memberi insentif percukaian kepada Industri kecil dan sederhana (IKS) bagi membangunkan prasarana teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Dr Mahathir berkata, sektor swasta termasuk IKS tidak seharusnya hanya memikirkan insentif percukaian dalam pembangunan mereka dan ketika menghadapi masalah, kerana di samping insentif percukaian banyak perkara lain yang boleh dilakukan jika mereka bijak mengenal pasti peluang.

"Kerajaan juga memerlukan duit dan ia hanya boleh diperoleh melalui cukai," katanya.

Dalam sesi dialog itu Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia sebenarnya tidak perlu bimbang dengan China yang kini muncul sebagai pesaing bagi pengeluaran produk berkos rendah.

"Lambat-laun China juga akan menjadi pengeluar berkos tinggi kerana apabila negara itu bertambah maju pekerja mereka juga akan meminta gaji tinggi.

"Tetapi apa yang baiknya mengenai ekonomi berkos tinggi ini ialah ia akan menjadi pasaran yang baik untuk semua negara di dunia ini.

"Oleh itu lebih cepat China maju dan menjadi pengeluar berkos tinggi, ia adalah lebih baik bagi kita (Malaysia)," katanya.

Dr Mahathir berkata, ini kerana, walaupun China adalah sebuah negara besar, tetapi ia sudah tentunya tidak dapat mengeluarkan semua keperluannya.

"...maka kita boleh membekalkan mereka keperluan itu seperti minyak sawit dan produk yang berkaitannya.

"Mungkin China boleh mengkhusus dalam bidang tertentu tetapi Malaysia boleh mencari kelebihannya tersendiri," katanya.

Perdana Menteri turut menekankan mengenai potensi dalam industri hiburan yang kini adalah satu perniagaan yang besar.

"Jika kita lihat, setiap kita memerlukan hiburan hampir setiap masa, tetapi Malaysia masih belum menerokai bidang ini secara meluas," katanya.

(END)

